

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

JTW 103 – UNDANG-UNDANG PERNIAGAAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan sahaja. Satu soalan **WAJIB** dari Bahagian A, **SATU** soalan dari Bahagian B dan **SATU** soalan dari Bahagian C.

Sila pastikan bahawa anda telah menulis angka giliran dengan betul. Tuliskan angka giliran di setiap kertas jawapan anda.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

BAHAGIAN A:**(Soalan WAJIB)**

- Pada 1 November 2004, Emas Sutera Bhd (ESB) telah membuat cadangan untuk menjual komputer jenama ARON kepada Nimos Trading dengan harga RM3500 sebuah. Cadangan itu sampai ke pejabat Nimos Trading pada 3 November 2004, pukul 10.00 pagi. Pengurus Nimos Trading, Encik Zahrain telah mengarahkan setiausahaannya membuat penerimaan untuk membeli lima buah komputer.

Surat penerimaan tersebut diposkan pada 4 November 2004. Pada 5 November 2004, ESB menelefon Encik Zahrain dan memberitahu bahawa harga sebuah komputer jenama ARON tersebut sebenarnya adalah RM4000 sebuah. Encik Zahrain menyatakan bahawa surat penerimaan telah diposkan pada 4 November 2004 yang lalu melalui pos berdaftar, tetapi ESB mendakwa ia tidak menerima surat penerimaan tersebut.

Berdasarkan situasi di atas nasihatkan Encik Zahrain sama ada beliau terikat dengan harga baru komputer tersebut atau tidak.

Jelaskan jawapan anda berpandukan seksyen-seksyen yang terdapat di dalam Akta Kontrak 1950 dengan merujuk kepada kes-kes yang berkaitan bagi menyokong hujah anda.

(100 markah)

BAHAGAIAN B:**(Jawab SATU soalan sahaja)**

- TD Store telah membuat pesanan pakaian wanita berjenama terkenal iaitu "Cute Wear" daripada EG Sdn. Bhd. yang merupakan pembekal tunggal mereka sejak 1980. Pada 10 Ogos 2004, TD Store membuat pesanan untuk pakaian tersebut dengan menyatakan dalam pesanan mereka "sama seperti kontrak kita yang terdahulu". EG Sdn. Bhd. kemudiannya membekalkan pakaian-pakaian yang mempunyai kualiti yang sama tetapi mempunyai jenama berlainan iaitu "Cantik Wear".

Nasihatkan TD Store tentang hak, tanggungjawab dan kedudukan mereka dari sudut undang-undang berkaitan dengan perjanjian tersebut berpandukan seksyen-seksyen yang terdapat di dalam Akta Jualan Barang 1957 dan kes-kes yang berkaitan.

(100 markah)

3. Sumayah telah membuat pesanan sepuluh buah beg tangan kulit daripada pengedar tetapnya Kulit Tulen Sdn. Bhd. Kontrak jualan ini dibuat melalui sampel. Apabila beg-beg itu dihantar, Sumayah mendapati kesemuanya sama seperti sampel yang telah dilihatnya dahulu. Setelah pemeriksaan dilakukan terhadap kesemua barang tersebut, Sumayah berpuas hati dengan keadaan beg itu.

Walau bagaimanapun, dia kemudiannya mendapati bahawa terdapat sedikit kerosakan pada sebahagian daripada beg-beg itu yang mana kerosakan ini tidak dapat dilihat melalui pemeriksaan biasa yang telah dilakukannya.

Apakah kedudukan kontrak tersebut sebagaimana yang diperuntukan oleh Akta Jualan Barang 1957? Apakah syarat-syarat yang terpakai sekiranya berlaku kontrak jualan melalui sampel tersebut?

Nasihatkan Sumayah.

(100 markah)

BAHAGIAN C:

(Jawab **SATU** soalan sahaja)

4. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan beberapa peraturan untuk membolehkan mahkamah menjalankan tugasnya dengan adil tanpa rasa takut dan pilih kasih. Anggota-anggota Badan Kehakiman dilantik oleh Yang Di Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Sistem kehakiman di Malaysia terdiri daripada Mahkamah Agung, Mahkamah-mahkamah Tinggi dan Mahkamah-mahkamah Rendah. Setiap mahkamah mempunyai bidang kuasa dan tugas yang telah ditetapkan.
- Terangkan bidang kuasa mahkamah-mahkamah yang terdapat di Malaysia.
 - Berikan gambarajah hirarki mahkamah-mahkamah di Malaysia.

(100 markah)

5. Sumber undang-undang Malaysia terdiri daripada sumber bertulis dan sumber tidak bertulis. Di negara ini, sumber bertulis merupakan sumber undang-undang yang lebih utama. Walau bagaimanapun sumber tidak bertulis tetap diguna pakai di dalam sistem perundangan Malaysia pada hari ini.
- (a) Senarai dan huraikan dengan jelas **5** (lima) sumber undang-undang bertulis yang diamalkan di Malaysia.
 - (b) Senarai dan huraikan dengan jelas **4** (empat) sumber undang-undang tidak bertulis yang diamalkan di Malaysia.

(100 markah)

- 000Oooo -